

Siaran akhbar

Rantau ASEAN+3 Berkembang Pada Kadar 5.4%, Disokong oleh Permintaan Domestik yang Berdaya Tahan dan Pertumbuhan Eksport yang Lebih Kukuh

Rantau ini perlu memperbaiki kesalinghubungan, mengembangkan sektor perkhidmatan yang dinamik dan membangunkan tenaga buruh yang berkemahiran

MANILA, FILIPINA, Mei 3, 2018 – Didorong oleh keadaan global yang menggalakkan, pertumbuhan ekonomi di rantau ASEAN+3 telah disokong oleh permintaan domestik dan pertumbuhan eksport yang berdaya tahan, dengan inflasi yang stabil, menurut satu laporan yang diterbitkan pada hari ini oleh ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO).

Sebagai sebuah penerbitan pengawasan serantau tahunan AMRO, *ASEAN+3 Regional Economic Outlook* (AREO) menilai prospek ekonomi dan kestabilan kewangan serantau di rantau ini, termasuk 10 negara ASEAN, China (termasuk Hong Kong), Jepun dan Korea. Dalam edisi tahun ini, laporan itu juga merangkumi kajian bertema yang bertajuk "*Daya ketahanan dan Pertumbuhan dalam Dunia yang Kian Berubah*".

"Dengan peningkatan permintaan luaran, pertumbuhan di rantau ini dijangka kekal pada kadar 5.4% bagi tahun 2018 dan 5.2% bagi tahun 2019," kata Ketua Ekonomi AMRO, Dr. Hoe Ee Khor. *"Walau bagaimanapun, memandangkan risiko pengetatan keadaan kewangan global dan dasar perlindungan perdagangan, adalah lebih berhemat bagi penggubal dasar untuk mengutamakan kestabilan kewangan daripada objektif pertumbuhan ekonomi."*

Walaupun permintaan domestik yang berdaya tahan dan permintaan untuk eksport luaran adalah lebih kukuh, rantau ini menghadapi dua risiko jangka pendek: pengetatan lebih cepat daripada jangkaan bagi keadaan kewangan global yang diketuai oleh kenaikan kadar faedah Federal Reserve A.S. dan peningkatan tekanan perdagangan global. Sekiranya risiko ini menjadi kenyataan, akan berlaku limpahan ke rantau ini melalui aliran keluar modal, kos pinjaman yang lebih tinggi dan aliran perdagangan dan pelaburan yang lebih rendah.

Meningkatkan permintaan luaran membolehkan rantau ini membina penampakan lanjut terhadap kejutan luaran. Kadar pertukaran serantau telah menjadi lebih fleksibel dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan telah memainkan peranan yang lebih besar sebagai penyerap kejutan.

Untuk meningkatkan daya ketahanan, penggubal dasar di rantau ini harus terus membina ruang dasar, terutamanya bagi dasar monetari, dengan jangkaan keadaan kewangan global yang lebih ketat pada masa hadapan. Dasar fiskal mungkin perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam memberi sokongan kepada pertumbuhan manakala dasar kehematan makro (macroprudential) dapat membantu melindungi kestabilan kewangan.

AREO 2018 juga mengandungi kajian bertema mengenai cara rantau ini dapat mengekalkan daya ketahanan dan pertumbuhan dari segi perubahan asas dan global dalam teknologi dan rangkaian perdagangan serta pengeluaran. Kekuatan global ini telah menguji strategi pertumbuhan "pembuatan untuk eksport" di rantau ini, yang telah mendorong pertumbuhan dan pembangunan rantau ini dalam dekad yang lalu.

Teknologi telah terbukti sebagai serampang dua mata ketika pembuatan menjadi lebih intensif dari segi modal dan kemahiran intensif dan tidak akan menggunakan banyak tenaga kerja seperti dahulu. Perubahan struktur dalam rantaian nilai global juga telah membolehkan pelbagai negara membuat pengeluaran dalam negara dan bukannya mengimport input perantaraan. Walau bagaimanapun, teknologi telah memudahkan kemunculan sektor perkhidmatan sebagai enjin pertumbuhan dan pekerjaan baru yang berpotensi.

Untuk menangani pelbagai cabaran ini, rantau ini secara keseluruhannya harus memperkukuhkan kesalinghubungan dan integrasi antara rantau untuk memanfaatkan peningkatan permintaan akhir antara rantau dan meningkatkan daya ketahanan rantau secara keseluruhan terhadap kejutan luaran seperti dasar perlindungan. Ekonomi individu harus membina daya ketahanan dengan membangunkan pelbagai enjin pertumbuhan, termasuk sektor perkhidmatan yang semakin meningkat.

"Sumber yang mencukupi dan kepelbagaian dalam pembangunan di rantau ASEAN + 3 merupakan sumber kekuatan," kata Dr. Khor. "Rantau ini perlu memperbaiki kesalinghubungan melalui pelaburan dalam infrastruktur dengan pelbagai dasar pemudahan perdagangan, mengembangkan sektor perkhidmatan yang dinamik dan membangunkan tenaga buruh berkemahiran melalui peningkatan kemahiran pekerja, imigresen dan pendidikan."

Mengenai AMRO:

Pejabat Penyelidikan Makroekonomi ASEAN+3 (AMRO) telah ditubuhkan untuk memberi sumbangan kepada kestabilan ekonomi dan kewangan rantau ASEAN + 3, yang terdiri daripada 10 anggota Persatuan Negara Asia Tenggara dan China, Hong Kong, China, Jepun dan Korea. Sebagai sebuah organisasi antarabangsa, AMRO memenuhi mandatnya dengan menjalankan pengawasan makroekonomi, menyokong pelaksanaan pengatur kewangan serantau, Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM) dan menyediakan bantuan teknikal kepada para anggota.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Huong Lan Vu (Ms.)

Pegawai Perhubungan Awam, AMRO

E-mel: vu.lanhuong@amro-asia.org

Telefon: +65 88763598, DID: +65 63239885

Laman Web: www.amro-asia.org

LinkedIn: <https://www.linkedin.com/company/amro-asia/>

Penafian: Versi Bahasa Melayu ini adalah terjemahan dokumen asal dalam Bahasa Inggeris (<http://www.amro-asia.org/the-asean3-region-grows-at-5-4-supported-by-resilient-domestic-demand-and-stronger-export-growth>). Walaupun setiap usaha dilakukan untuk memastikan ketepatan terjemahan, dalam kes percanggahan, dokumen asal Bahasa Inggeris akan diterima pakai.